

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XIII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERAPIT
YB. HENG LEE LEE**

9. Apakah status Empangan Mengkuang?
 - (a) Adakah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah memenuhi sembilan syarat yang ditetapkan oleh Perbadanan Bekalan Air (PBA)?
 - (b) Bila empangan boleh dibuka kepada orang awam?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

9. Projek Pembesaran Empangan Mengkuang telah siap dan dalam proses penyerahan kepada Kerajaan Negeri. Sebelum menerima projek tersebut Kerajaan Negeri telah memohon pihak KeTTHA untuk menjalankan *hands on training* di Rumah Pam Mak Sulong selama 30 hari bagi memastikan Rumah Pam Mak Sulong berfungsi dengan sempurna. Bagaimanapun, tarikh *hands on training* ini telah ditunda beberapa kali oleh KeTTHA iaitu dari 14 April 2018, 23 April 2018 dan 19 Jun 2018 disebabkan berlaku masalah teknikal di rumah pam tersebut. Selain itu terdapat kecacatan pada struktur '*Draw Off Tower*' di Empangan Mengkuang menyebabkan proses pengepaman air dari Sungai Kulim di Rumah Pam Mak Sulong ke Empangan Mengkuang tidak dapat dilakukan. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan di '*Draw Off Tower*' telah bermula pada 22 Jun 2018 dan mengambil masa selama 2 bulan untuk disiapkan.

- (a) Pihak KeTTHA masih belum memenuhi sembilan syarat-syarat tersebut. Bagaimanapun, pihak KeTTHA telah bersetuju untuk memenuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti yang dimaklumkan dalam Mesyuarat *Way Forward* projek ini pada 2 April 2018 di KeTTHA yang dipengerusikan KSU KeTTHA dan dihadiri oleh YB Setiausaha Kerajaan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang. Pengesahan bertulis berhubung perkara ini juga telah diberikan oleh KeTTHA kepada Kerajaan Negeri melalui surat bertarikh 6 April 2018 dan 2 Mei 2018.
- (b) Pembukaan Empangan Mengkuang kepada orang awam hanya akan dilaksanakan setelah projek ini diserahkan secara rasmi kepada Kerajaan Negeri dan seterusnya Kerajaan Negeri menyerahkan kepada PBAPP untuk diambil alih operasinya. Setelah dipastikan keseluruhan kawasan ini benar-benar selamat untuk dikunjungi oleh orang awam dan tiada isu keselamatan di kawasan tersebut barulah empangan tersebut boleh dibuka untuk kegunaan orang awam.